



Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VoA
2023
Volume 19 Issue 1

COMMITTEE PAGE

VOICE OF ACADEMIA

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah Branch

ADVISORY BOARD MEMBER

PROFESSOR DR. ROSHIMA HAJI. SAID
ASSOCIATE PROFESSOR TS. DR. AZHARI MD HASHIM

CHIEF EDITOR

DR. JUNAIDA ISMAIL

MANAGING EDITOR

MOHD NAZIR RABUN

EDITORIAL TEAM

AISHAH MUSA
ETTY HARNIZA HARUN
INTAN SYAHRIZA AZIZAN
KHAIRUL WANIS AHMAD
SYAHRINI SHAWALLUDIN

EDITORIAL BOARD

PROFESSOR DR. DIANA KOPEVA

UNIVERSITY OF NATIONAL AND WORLD ECONOMY, SOFIA, BULGARIA

PROFESSOR DR. KIYMET TUNCA CALIYURT

FACULTY OF ACCOUNTANCY, TRAKYA UNIVERSITY, EDIRNE, TURKEY

PROFESSOR DR. M. NAUMAN FAROOQI

*FACULTY OF BUSINESS & SOCIAL SCIENCES, MOUNT ALLISON UNIVERSITY, NEW
BRUNSWICK, CANADA*

PROFESSOR DR. SIVAMURUGAN PANDIAN

SCHOOL OF SOCIAL SCIENCE, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG

DR. IRA PATRIANI
FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & POLITIC,
UNIVERSITAS TANJUNG PURA UNTAN, INDONESIA

DR. RIZAL ZAMANI IDRIS
FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & HUMANITIES,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH UMS, SABAH

DR. SIMON JACKSON
FACULTY OF HEALTH, ARTS AND DESIGN,
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELBOURNE, AUST

PROFESSOR MADYA DR. WAN ADIBAH WAN ISMAIL
FACULTY OF ACCOUNTANCY,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. AZLYN AHMAD ZAWAWI
FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCES & POLICY STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. AZYYATI ANUAR
FACULTY OF BUSINESS MANAGEMENT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. MUHAMAD KHAIRUL ANUAR ZULKEPLI
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. NEESA AMEERA MOHAMMED SALIM
COLLEGE OF CREATIVE ARTS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM, MALAYSIA

DR ROSIDAH AHMAD
FACULTY COMPUTER SCIENCE AND MATHEMATICS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

CONTENT REVIEWER

PROF MADYA DR NUR HISHAM IBRAHIM, UiTM PERAK
PROF MADYA DR SULIKHAH ASMOROWATI, UNAIR, INDONESIA
PROF MADYA DR WAN ADIBAH WAN ISMAIL, UiTM KEDAH
DR ALIAMAT OMAR ALI, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
DR ABDUL RAHMAN ABDUL LATIF, UMT
DR DAING MARUAK, ACIS, UiTM KEDAH

DR NOOR SYAHIDAH MOHAMAD AKHIR, UiTM KEDAH

DR NOR ZAINI ZAINAL ABIDIN, UiTM KEDAH

DR NUR AIDA KIPLI, FSPPP, UiTM SARAWAK

DR NUR ZAFIFA KAMARUNZAM, UiTM SEREMBAN 3

DR NOR ZAINI ZAINAL ABIDIN, UiTM KEDAH

DR REEZLIN ABD RAHMAN, KOLEJ KOMUNITI

DR ROHAYATI HUSSIN, UiTM KEDAH

DR SHATINA SAAD, UiTM SHAH ALAM

DR. SITI MARIAM NORRULASHIKIN, UTM, JOHOR

DR UNGKU KHAIRUNNISA UNGKU MOHD NORDIN, UTM

DR ZURaida MOHAMED ISA, UiTM KEDAH

EN AZLAN ABD RAHMAN, UiTM KEDAH

CIK FARIDAH ZULKIPLI, UiTM PERAK

LANGUAGE REVIEWER

DR WAN JUMANI FAUZI, CENTER FOR MODERN LANGUAGE, UMP

DR. NURUL KAMALIA BINTI YUSUF, APB, UiTM SERI ISKANDAR

*DR UNGKU KHAIRUNNISAN UNGKU MOHD NORDIN, LANGUAGE ACADEMY UTM,
JOHOR*

DR WAN IRHAM ISHAK, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH

PN AISHAH MUSA, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH

EN AZLAN ABD RAHMAN, UiTM KEDAH

EN AZRUL SHAHIMY MOHD YUSOF, APB, UiTM KEDAH

PN HO CHUI CHUI, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH

PN BAWANI SELVARAJ, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH

PN JUWAIRIAH OSMAN, FELO AKADEMI PENGAJIAN MELAYU, UM
PN PHAVEENA PRIMSUWAN, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH
PN RAZANAWATI NORDIN, SENIOR LECTURER. APB, UiTM KEDAH
PN SHAFINAH MD SALLEH, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH
CIK IREEN MUNIRA IBRAHIM, UiTM PERAK
NOREHA MOHAMED YUSOF, UiTM NEGERI SEMBILAN

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2022 by the Universiti Teknologi MARA Press

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

LEVERAGING THE SERVICE INNOVATION OF LOCAL MEDICAL UNIVERSITIES IN CHINA: THE PERSPECTIVE OF TEACHERS' PROFESSIONAL DEVELOPMENT Lu Liu ¹ , Boo Ho Voon ^{2*} , Muhammad Iskandar Hamzah ³ & JiaJie He ⁴	1 -16
EXPLORING THE DRIVERS OF POVERTY LINE INCOME IN MALAYSIA Nurhani Elisya Zainal ¹ , Siti Aishah Salleh ² , Nurul Adilah Hasnorrul Hadi ³ , Nurul Izzaty Syazwani Roslan ⁴ , Amirul Hakim Abd Aziz ⁵ & Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil ⁶	17 -28
THE ROLE OF TEAM LEADERSHIP ON SEARCH AND RESCUE (SAR) TEAM PERFORMANCE IN DISASTER MANAGEMENT Norsyazwani Ab Halim ¹ Azlyn Ahmad Zawawi ^{2*} , Ashrul Riezal Asbar ³	29 - 43
THE SUSTAINABILITY OF MALAYSIAN AGRICULTURE BASIC FOOD PRODUCTION BY 2030 Suzilah Ismail ¹ & Thanusha Palmira Thangarajah ²	44 - 52
DYNAMICS SIMULATION APPROACH IN MODEL DEVELOPMENT OF UNSOLD NEW RESIDENTIAL HOUSING IN JOHOR Lok Lee Wen ¹ & Hasimah Sapir ²	53 - 65
DEVELOPING A HEALTH-CENTERED MEDICAL HUMANITY EDUCATION FOR SERVICE EXCELLENCE Haifeng Zhang ¹ , Malvern Abdullah ² , Boo Ho Voon ^{3*} , Margaret Lucy Gregory ⁴ & Yuan Su ⁵	66 - 78
THE CONCEPT OF UMSRAH DIY Siti Atikah Rusli ¹ , Arni Abdul Gani ^{2*} & Nor Asmalina Mohd Anuar ³	79 - 92
CHETTI MELAKA OF THE STRAITS: A CONCEPTUAL PAPER OF MILLENNIAL INTENTION TO CONSUME PERANAKAN INDIAN CUISINE Muhamad Jufri Ismail ¹ , Muhammad Safuan Abdul Latip ^{2*}	93 - 103
ASSESSING USAGE OF METACOGNITIVE ONLINE READING STRATEGY AND ITS RELATIONSHIP WITH STUDENTS' COMPREHENSION ACHIEVEMENT IN THE NEW NORM Saripah Anak Sinas ¹ , Suthagar A/L Narasuman ² and Sandra Phek-Lin Sim ³	104 - 119
DETERMINANTS OF COVID-19 DEATHS IN THE EARLY STAGE OF THE PANDEMIC: WORLDWIDE PANEL DATA EMPIRICAL EVIDENCE Siew King Ting ¹ , Howe Eng Tang ² , Tze Wee La ³ , Li Li Lau ⁴ & Lucy Batchy Gabriel Puem ⁵	120 - 134
INFLUENCING FACTORS ON THE DECORATIVE ART FEATURES OF TRADITIONAL WINDOWS AND DOORS IN THE SOUTH YANGTZE RIVER REGIONS OF CHINA Wang Lukun ¹ & Azhari Md Hashim ^{2*}	135 - 148
THE STEWARDSHIP OF BENEVOLENCE: ITS IMPORTANCE IN ACHIEVING ACCOUNTABILITY AND PUBLIC TRUST TOWARDS LOCAL GOVERNMENT Nor Zaini Zainal Abidin ¹ , Azni Syafena Andin Salamat ²	149 - 158
DETERMINANTS OF RECYCLING INTENTION AMONG PUBLIC UNIVERSITY STUDENTS IN TERENGGANU Hani Sakina Mohamad Yusuf ¹ , Sofiah Ngah ² , Suzila Mat Salleh ¹ , Siti Fatimah Mardiah Hamzah ¹ , Noor Hafiza Mohammed ¹	159 - 168
VARK LEARNING STYLE PREFERENCES AMONG MALAYSIAN UNIVERSITY STUDENTS IN OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL) Nurul Nadiah Rasdi ^{1*} , Ahmad Najmie Rusli ²	169 - 182

TINJAUAN LITERATUR PEMBANGUNAN APLIKASI KOSA KATA BAHASA ARAB KOMUNIKASI MUFRADATI PELAJAR UiTM Muhamad Khairul Anuar Zulkepli ¹ , Burhanuddin Wahab ² , Ahmad Fauzi Yahaya ³ , Mohd Zulkhairi Abd Hamid ⁴ , Norhayuza Mohamad ⁵	183 - 195
DETERMINANTS OF TRADE BALANCE IN SOUTHEAST ASIAN COUNTRIES Wan Syahira Illyana Wan Shahrul Bahrin ¹ , Bee-Hoong Tay ²	196 - 207
PEMBANGUNAN PAUTAN i-SOURCE UiTM PRESS 2 U (THE DEVELOPMENT OF i-SOURCE UiTM PRESS 2 U LINK) Azyyati binti Anuar ¹ , Daing Maruak Sadek ² , Juaini Jamaludin ³ , Roshidah Safeei ⁴ , Nor Hafizah Abdul Razak ⁵ , Junaida Ismail ⁶ , Mas Aida Abd Rahim ⁷ & Firdaus Abdul Rahman ⁸	208 - 220
COMPARATIVE ANALYSIS ON DEFINITIONS AND TYPES OF APOLOGIES IN APOLOGY LEGISLATION IN THE UK, REPUBLIC OF IRELAND, AUSTRALIA, CANADA, THE USA AND HONG KONG Nurul Shuhada Suhaimi ¹ , Haswira Nor Mohamad Hashim ² & Noraiza Abdul Rahman ³	221 - 223
PERSPECTIVES: GOOGLE TRANSLATE USAGE Aishah Musa ¹ , Rafidah Amat ²	224 - 239
NO TIME TO DISPOSE? A STUDY ON THE CORRELATIONS AND ITS CONTRIBUTING FACTORS AFFECTING UNIVERSITY STUDENTS' INTENTION TO PRACTISE E-WASTE Muhamad Azfar Bin Mohamad Zuhdi ¹ , Mohd Nazir Rabun ² , Haziq Iskandar Bin Hamdan ³ , Mohd Rozaimy Ridzuan ⁴	240 - 261

TINJAUAN LITERATUR PEMBANGUNAN APLIKASI KOSA KATA BAHASA ARAB KOMUNIKASI MUFRADATI PELAJAR UiTM

**Muhamad Khairul Anuar Zulkepli ^{1*}, Burhanuddin Wahab ², Ahmad Fauzi
Yahaya ³, Mohd Zulkhairi Abd Hamid ⁴, Norhayuza Mohamad ⁵**

*^{1,2,3,4} Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah Kampus Sungai
Petani,*

⁵ Universiti Teknologi MARA Shah Alam

ARTICLE INFO

Article history:
Received July 2022
Accepted Sept 2022
Published Jan 2023

Keywords:
Vocabulary, arabic language,
development, application

Corresponding Author:
mkaz@uitm.edu.my

ABSTRACT

Vocabulary is the main key to mastering a language including arabic language. Vocabulary is synonymous with the basic skills of arabic language, namely reading, writing, listening and speaking. Vocabulary skills are closely related to learning arabic language at all levels up to the level of higher learning institutions, especially at UiTM. The discussions of arabic vocabulary have been realized by previous researchers. However, the discussion more focused on traditional approaches and less focused on modern learning with technological and digital concepts. Hence, this study aims to review the literature related to arabic vocabulary and related applications. This qualitative study adapts content analysis design as the premier source of data collection. The data were analyzed descriptively based on the three topics. The findings show that there are issues and problems that can be linked with learning of arabic vocabulary at UiTM. Therefore, the existence of these problems can contribute to new problem statements.

Kosa kata merupakan kunci utama penguasaan sesuatu bahasa termasuklah bahasa Arab. Kosa kata amat sinonim dengan kemahiran asas bahasa Arab, iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Kemahiran kosa kata amat berkait rapat dengan pembelajaran bahasa Arab pada semua peringkat hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi khususnya di UiTM. Perbincangan aspek kosa kata bahasa Arab telah disajikan dan direalisasikan oleh para pengkaji terdahulu. Hal ini masih diteruskan

hingga ke zaman teknologi digital kini melalui pengkajian ilmiah. Namun, perbincangan menjurus ke arah pendekatan tradisional dan kurang fokus kepada pembelajaran secara moden berkonsepkan teknologi dan digital. Justeru, kajian ini bertujuan meninjau literatur berkaitan dengan kosa kata bahasa Arab dan aplikasi yang berkaitan. Kajian ini kajian kualitatif yang mengadaptasikan reka bentuk analisis kandungan sebagai sumber premier pengumpulan data. Kemudian, data dianalisis secara deskriptif melalui tiga topik perbincangan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat isu dan permasalahan berbangkit yang boleh dikaitkan dengan pembelajaran kosa kata Arab di UiTM. Oleh itu, kewujudan permasalahan ini boleh membantu kepada pernyataan masalah baharu.

©2023 UiTM Kedah. All rights reserved.

1. Pengenalan

Bahasa Arab merupakan satu daripada bahasa asing yang telah wujud di Malaysia dan ia berkembang melalui sistem pendidikan dalam semua peringkat hingga ke institusi pengajian tinggi. Apabila mempelajari bahasa, sememangnya ia sinonim dengan aspek penguasaan kosa kata yang menjadi teras kepada memahami bahasa tersebut. Hal ini disebabkan oleh faktor penguasaan kosa kata dilihat sebagai instrumen untuk menguasai asas kemahiran bahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

Murcia (2007) menyuarakan pandangan bahawa penguasaan kosa kata ialah elemen utama dalam mempelajari sesuatu bahasa. Penguasaan kosa kata penting dalam memantapkan empat kemahiran asas bahasa iaitu menulis, membaca, mendengar dan bertutur bagi memudahkan pelajar mengikuti pengajian akademik di peringkat universiti. Pandangan ini disokong oleh Harun dan Zawawi (2014) yang mengutarakan bahawa kemampuan individu menguasai bahasa bergantung kepada penguasaan kosa kata bahasa tersebut. Abdul et.al (2016) mengatakan bahawa penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa berkait rapat dan saling melengkapi. Dalam kemahiran bahasa, kosa kata berperanan sebagai pendokong kepada penggunaannya.

Justeru, apa yang diutarakan ini sesuai untuk dikaitkan dengan pembelajaran bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara yang menawarkan berbagai-bagai program pengajian bermula di peringkat pra-pengajian tinggi hingga ke peringkat doktor falsafah. Begitu juga kursus bahasa ketiga yang ditawarkan merangkumi bahasa Asian dan Eropah seperti bahasa Arab, Mandarin, Perancis, Jepun dan lain-lain. Kursus bahasa Arab yang ditawarkan ialah TAC401 (*Introductory Arabic Part 1*), TAC451 (*Introductory Arabic Part 2*) dan TAC501 (*Introductory Arabic Part 3*). Bahasa Arab ialah bahasa ketiga yang menjadi bahasa pilihan para pelajar di peringkat ijazah sarjana muda. Ia dilaksanakan di universiti dengan menggariskan empat kemahiran asas utama iaitu menulis, membaca, mendengar dan bertutur serta dilengkapi kosa kata yang efektif. Sukatan yang disusun bersesuaian dengan tahap permulaan pelajar untuk mempelajari dan memahami kosa kata secara mudah berpandukan topik-topik yang disediakan. Terdapat dua aktiviti mempamerkan keupayaan dan kemampuan para pelajar dalam mempersembahkan kemahiran mereka iaitu simulasi dan juga lakonan (*role-play*). Kedua-dua aktiviti ini diaplikasikan

dalam bahasa Arab oleh pelajar-pelajar UiTM. Hal ini memberikan gambaran sebenar tahap penguasaan kosa kata mereka apabila mempelajari bahasa Arab.

Bermakna, penguasaan pelajar terhadap kosa kata yang dipelajari menjadi kunci dan langkah pertama memahami bahasa tersebut serta menguasai pembelajaran dengan baik. Seseorang pelajar yang mampu memahami kosa kata dengan baik menjadikan ia mudah menguasainya dan meluaskan lagi pemikiran dan pengetahuan. Perkara ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Faudziah dan Mahamod (2013) bahawa bahasa mempunyai hubungan erat dengan pemikiran, iaitu proses pengajaran dan pembelajaran dapat dikuasai dengan berkesan jika pelajar dapat menguasai bahasa dengan baik.

2. Pernyataan Masalah

Permasalahan yang melibatkan aspek kosa kata dalam kalangan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab bukan sesuatu yang baharu. Isu ini telah ditemui dan dirungkaikan oleh para pengkaji terdahulu dan ia masih diteruskan hingga kontemporari kini. Majoriti pengkaji bersetuju dengan pendirian bahawa penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa amat berkait rapat. Perkara ini dinyatakan oleh Aizan (2018) dan Abdul et.al (2016). Hal ini disebabkan kemampuan bahasa individu berkait dengan jumlah kosa kata yang dikuasainya.

Kamariah dan Siti (2016) memberikan pencerahan bahawa kelemahan memahami makna kosa kata dalam kalangan pelajar menyebabkan mereka tidak memahami apa yang didengar dan diungkapkan maksud sesuatu perkataan. Aisah Hasmam (2017) dalam kajiannya menyuarakan pandangan bahawa kelemahan pelajar bahasa Arab dalam aspek memahami makna kosa kata bahasa Arab adalah membimbangkan. Menurut Azani (2012), kajian mendapati punca utama kelemahan pelajar dalam bahasa Arab disebabkan oleh kurangnya penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar.

Senario yang dizahirkan ini dapat dilihat pada pelajar UiTM secara umumnya dan khususnya di kampus Kedah dengan jelas kelemahan aspek kosa kata yang dikuasai mereka. Kelemahan ini dapat dibuktikan melalui penghasilan skrip-skrip simulasi dan lakonan (*role-play*) yang dihasilkan oleh mereka. Ini menggambarkan tahap dan kemampuan para pelajar terhadap penguasaan kosa kata mereka sendiri. Apabila wujudnya isu ini, timbul beberapa persoalan yang berkaitan aspek kosa kata. Apakah punca utama kelemahan pelajar dalam menguasai kosa kata? Situasi ini mendorong kepada percambahan idea baru penguasaan kosa kata untuk membantu pelajar-pelajar UiTM ketika ini dalam era pandemik ini. Suasana pandemik ketika ini membawa kepada transformasi norma baru pembelajaran berbentuk *online distance learning* (ODL) dan pembelajaran sendiri. Lantas, ini menjadi lompangan kepada perbincangan dan kajian yang boleh digarab untuk menghasilkan idea atau aplikasi baru yang boleh membantu kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

3. Metodologi

Kajian ini pada asasnya mendasari pendekatan kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada buku, artikel dan tesis yang berkaitan dengan tajuk kosa kata bahasa Arab dan pembangunan aplikasi. Kemudian, data yang terkumpul dianalisis secara deskriptif.

4. Dapatan dan Perbincangan

Terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan tajuk kosa kata Arab dan semua kajian tersebut direalisasikan oleh beberapa penyelidik dan para ilmuan dalam bentuk tesis, buku-buku ilmiah dan sebagainya. Hasil kajian tersebut dapat dilihat menerusi pelbagai bentuk kajian dalam aspek kosa kata bahasa Arab.

a) Kosa Kata Bahasa Arab

Dalam kajian Che (2006), beliau melakukan penelitian tentang kesilapan bahasa yang melibatkan aspek kosa kata dalam penulisan bahasa Arab. Dalam kajian tersebut, disenaraikan kesalahan-kesalahan pelajar berkaitan leksikal Arab yang menggunakan 120 skrip daripada dua karangan yang ditulis oleh 60 orang subjek kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa kesilapan yang selalu dilakukan oleh pelajar-pelajar ketika menulis karangan ialah kesilapan penggunaan bentuk perkataan dalam ayat. Dalam kajian lain yang dijalankan oleh beliau menerusi aspek morfologi menunjukkan bahawa kelemahan utama pelajar dalam penulisan ialah kesilapan penggunaan kosa kata dalam ayat.

Dalam kajian lain, Muhamadul (2007) ada memperkenalkan strategi kata kunci dan menguji keberkesanannya dalam pembelajaran bahasa Arab. Dalam kajian ini, dua kumpulan pelajar dijadikan sampel untuk diuji dengan kaedah yang diperkenalkan. Berdasarkan uji kaji yang dijalankan, kaedah kata kunci dapat mengatasi masalah pelajar dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab melalui strategi memori daya ingatan. Dapatan kajian memperlihatkan semua 34 pelajar dari kumpulan pertama mendapat natijah cemerlang apabila mengaplikasikan kaedah tersebut. Sementara itu, kumpulan kedua didedahkan dengan menggunakan kaedah biasa hanya menghasilkan 7 pelajar cemerlang keputusannya, 12 pelajar mendapat keputusan yang sangat baik, 3 pelajar mendapat keputusan baik dan 5 pelajar mendapat lulus.

Azani (2012) dalam kajiannya mengemukakan perbincangan tentang kosa kata Arab menerusi aktiviti lakonan. Beliau menyebut bahawa melalui aktiviti yang melibatkan penyediaan skrip dalam bahasa Arab, hafalan skrip dan memainkan peranan dalam watak membantu memperkayakan kosa kata Arab pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa lakonan ialah antara teknik pengajaran bahasa Arab yang memberi kelebihan kepada pelajar. Dengan adanya aktiviti seumpama ini, guru dapat mengetahui kesukaran pelajar dalam menuturkan kosa kata. Ini terjadi kerana pelajar bahasa Arab agak sukar untuk menghidupkan suasana pertuturan bahasa Arab. Natijahnya, ini membuktikan tahap kosa kata yang kurang menyebabkan pelajar tidak dapat menguasainya dengan baik.

Shathifa dan Farween (2015) ada mengupas tentang isu permasalahan kosa kata. Mereka melontarkan pandangan bahawa penutur bahasa Arab yang tiada pengetahuan tentang kosa kata akan memberikan implikasi terhadap penentuan makna perkataan dan penggunaan dalam konteks yang betul. Mereka cuba mengembangkan keupayaan dalam beberapa cara dan strategi yang sesuai untuk mempelajari kosa kata bahasa Arab. Natijahnya, ia tetap menemui kegagalan kerana ceteknya pengetahuan aspek makna kosa kata. Isu penguasaan kosa kata ini turut dibuktikan melalui pengalaman guru-guru yang mengendalikan pengajaran bahasa Arab bagi pelajar pascasiswazah.

Hatta (2017) membuat pemerhatian terhadap para pelajarnya di sekolah. Beliau melaporkan bahawa ramai pelajar tidak menggunakan bahasa Arab dalam kelas termasuk aktiviti harian mereka. Beliau mengatakan bahawa pelajar yang tidak menggunakan bahasa Arab dalam kegiatan dan aktiviti kehidupan mereka seperti bertutur dan sebagainya merupakan masalah sangat besar. Hal ini kerana objektif utama pembelajaran bahasa Arab di sekolah ialah untuk

melatih kemampuan para pelajar berkomunikasi sesama mereka serta guru. Namun, perkara tersebut tidak menjadi kenyataan malah diabaikan. Ketandusan persekitaran atau suasana bahasa Arab dalam kelas menjadi faktor kepada terhalangnya objektif pembelajaran bahasa Arab.

Dalam kajian lain, Khatijah dan Hakim (2018) menghuraikan faktor dan isu permasalahan dalam mengetahui serta memahami makna perbendaharaan kata. Menurut mereka, faktor utama kelemahan para pelajar terhadap penguasaan kosa kata ialah pengetahuan mereka yang cetek terhadap makna kosa kata. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas penguasaan pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) terhadap aspek kata nama dan kata kerja Arab dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Hasil laporan menunjukkan tahap penguasaan mereka dalam mengetahui makna perkataan berada di tahap sederhana.

Hasnurol (2020) ada membincangkan aspek penguasaan kosa kata. Dalam kajian ini, beliau mengemukakan analisis penguasaan morfologi Arab menerusi aspek leksikologi. Leksikografi dan morfologi Arab menjadi faktor utama seorang pelajar yang ingin menguasai bahasa khususnya dalam sistem pembelajaran di Malaysia yang merupakan bahasa kedua atau bahasa asing. Tambahan lagi, kegagalan pelajar bahasa Arab sebenarnya bertitik tolak daripada kelemahan mengetahui makna kosa kata kerana itu ialah kunci asas dalam mempelajari apa-apa bahasa sekalipun. Dapatan yang diperoleh daripada kajian menunjukkan terdapat 40 kajian berkisarkan tentang aspek makna dan penggunaan kosa kata menerusi pembelajaran dan pengajaran morfologi.

Zainur et. al (2020) dalam satu kajiannya ada membuat pemerhatian tentang penguasaan kosa kata bagi pelajar di universiti. Kajian ini bertujuan untuk menilai kemampuan pelajar menguasai jumlah kosa kata. Sebanyak 59 pelajar dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) menjadi responden untuk melakukan ujian penguasaan kosa kata. Beberapa kosa kata dipilih secara berkala dari senarai *Corpus of Contemporary Arabic* (CCA). Hasil kajian menunjukkan bahawa penguasaan para pelajar yang diuji berada pada tahap rendah berpandukan ujian yang telah dilaksanakan. Mereka tidak mampu untuk menjawab ujian tersebut dengan baik. Tahap mereka terhadap kemampuan untuk membezakan kata kerja dan kata nama bagi sesuatu perkataan. Justeru, ini menggambarkan tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar universiti sebenarnya masih serius dan tidak boleh dipandang remeh.

Siti et.al (2020) ada mengulas lebih lanjut tentang pendekatan kreatif yang diaplikasikan dengan kosa kata bahasa Arab. Dalam mewujudkan suasana yang kondusif serta menarik minat pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab, kreativiti perlu disertai bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Beliau menyatakan bahawa kelemahan pelajar bahasa Arab adalah berpunca dari kurangnya bekalan kosa kata dalam diri pelajar. Hasil kajian menemui beberapa teknik boleh diadaptasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab iaitu kaedah kata kunci, pengulangan, penulisan dan lain-lain. Pendekatan kreatif juga boleh diimplementasikan dalam pelbagai bentuk, tempat dan keadaan seperti aktiviti luar kelas seperti perkhemahan bahasa Arab yang mendisiplinkan penggunaan perbendaharaan kata bahasa Arab.

b) Teknologi dalam Pembelajaran

Yazdi (2012) dalam kajiannya mengupas tentang pembelajaran *e-learning*. Menurutnya, *e-learning* ialah satu sistem pembelajaran moden yang mengaplikasikan teknologi komputer. Terdapat beberapa karakteristik yang ada pada sistem *e-learning* antaranya memanfaatkan jasa teknologi elektronik. Kedua, memanfaatkan komputer (digital media dan *computer*

networks). Ketiga, mengaplikasikan bahan pembelajaran sendiri dalam komputer supaya dapat diakses guru dan pelajar pada bila-bila masa dan tempat apabila diperlukan. Kajian ini diperkukuhkan lagi oleh kajian Suyanto (2005) yang menyuarakan pandangan bahawa model *e-learning* dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu *web course*, *web centric course* dan *web enhanced course*. *Web course* ialah penggunaan internet mengaplikasikan penyampaian bahan dalam pembelajaran jarak jauh. *Web centric course* ialah penggunaan internet untuk menyampaikan bahan melalui internet dalam pembelajaran dalaman. Manakala *web enhanced course* ialah internet yang digunakan untuk meningkatkan sokongan kualiti pembelajaran.

Haniah (2014) membincangkan isu tentang pemanfaatan teknologi dalam menangani masalah belajar bahasa Arab. Beliau mengulas lanjut dengan mengatakan bahawa masalah dalam belajar bahasa Arab dikenal pasti melalui beberapa sebab iaitu pendekatan pedagogi pembelajaran yang diaplikasikan, tidak memanfaatkan media dalam pembelajaran dan kurangnya minat dalam bahasa Arab. Selain itu, pendekatan dalam pembelajaran juga lebih cenderung ke arah pembelajaran tradisional. Oleh itu, pembelajaran bahasa Arab pada abad kontemporari kini perlu selaras dan bersesuaian peredaran zaman. Justeru, pembelajaran bahasa Arab perlu memanfaatkan teknologi masa kini yang banyak memberikan pengaruh positif. Terdapat variasi pembelajaran telah dikembangkan secara digital seperti *virtual learning*, konsep *e-learning* dan seumpamanya. Pemanfaatan yang diadaptasikan dalam pembelajaran ini hakikatnya menghasilkan proses pembelajaran bahasa Arab dengan baik.

Seterusnya, Abdul dan Ilham (2017) mengetengahkan tentang pembelajaran moden bahasa Arab berasaskan *e-learning* bagi penutur bukan jati Arab. Dalam kajian ini, beliau menghuraikan tentang laman sesawang bahasa Arab yang berteraskan konsep *e-learning* iaitu www.arabic-teacher.com. Ia merupakan satu laman sesawang untuk pembelajaran bahasa Arab secara moden yang dibangunkan. Menurutnya, laman ini mempunyai beberapa keunikan dan perisian yang ditampilkan iaitu perisian berbentuk bahan bacaan bahasa Arab, ungkapan bahasa Arab, kisah-kisah, tatabahasa Arab, lagu, permainan Arab serta kamus Arab. Hasil penelitian terhadap laman sesawang *e-learning* tersebut menunjukkan bahawa laman khusus bahasa Arab perlu diwujudkan bagi pembelajaran bahasa Arab secara moden. Selain itu, pendekatan *e-learning* ini mengembangkan corak pembelajaran secara maya yang berasaskan internet dalam usaha mengimbangi pembelajaran moden masa kini.

Dalam satu kajian, Rahmat (2017) ada membincangkan tentang pembelajaran bahasa Arab yang dikaitkan dengan pemanfaatan teknologi. Menurutnya, teknologi dapat diterapkan dalam pembelajaran bahasa Arab menerusi beberapa medium antaranya *arabic e-learning*. Sistem ini merupakan bentuk pengajaran dan pembelajaran yang membolehkan bahan pengajaran disampaikan kepada pelajar menggunakan internet, intranet atau rangkaian komputer lain. Sistem ini juga menjadi wasilah pendidikan yang meliputi motivasi diri, komunikasi, kecekapan dan teknologi. Justeru, penerapan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa Arab. Ini kerana teknologi dapat mencipta berbagai-bagai media pembelajaran bahasa Arab yang serba kekurangan dan meningkatkan kompetensi guru dalam pengajaran bahasa Arab. Penerapan teknologi juga mampu mewujudkan persekitaran yang sihat dalam pembelajaran.

Rani (2017) juga membincangkan tentang pembelajaran bahasa Arab berasaskan teknologi informasi dan maklumat. Menurutnya, pembelajaran bahasa Arab sebenarnya mengandungi variasi pendekatan yang boleh diadaptasikan antaranya pendekatan secara langsung, pendekatan komunikatif dan lain-lain. Dalam masa yang sama, terdapat juga pendekatan lain melibatkan media teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab. Teknologi media pembelajaran

boleh dikategorikan kepada dua iaitu tradisional dan moden. Secara tradisional, teknologi media pembelajaran kategori ini berkisarkan tentang media seperti permainan teka teki, media cetak iaitu buku, modul dan teks, audio seperti rakaman audio, kaset, televisyen dan video. Manakala teknologi kini pula ialah media telekomunikasi seperti pembelajaran jarak jauh, pembelajaran secara talian, komputer, sistem komputer dan sebagainya. Seiring dengan kemajuan teknologi hari ini, perkembangan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab seiring dengan perkembangan digital. Metod pembelajaran bahasa Arab seharusnya dikembangkan lagi dengan teknologi seperti memanfaatkan *facebook*, aplikasi *whats app* dan lain-lain sebagai medium komuniti pembelajaran.

Maita et.al (2018) membicarakan tentang pembelajaran bahasa Arab yang berasaskan android. Perkembangan teknologi *mobile phone* pada saat ini bertambah pesat dan terus membangun. Perkara ini dibuktikan menerusi persaingan dalam kalangan pencipta teknologi yang berusaha mencipta inovasi teknologi untuk pengguna pada masa kini melalui telefon pintar. Terbukti bahawa jumlah pengguna telefon pintar dalam masyarakat terdiri daripada golongan suri rumah, kanak-kanak, remaja, pelajar, pekerja, ahli perniagaan dan sebagainya. Beliau turut mengutarakan bahawa salah satu daripada aplikasi yang dapat membantu pembelajaran interaktif ialah aplikasi pembelajaran bahasa Arab. Aplikasi ini dibangunkan untuk para pelajar yang ingin mempelajari bahasa Arab secara interaktif melalui telefon pintar. Oleh kerana kemajuan digital semakin pesat membangun, ia mendorong kepada perubahan gaya hidup masa kini kepada semua lapisan masyarakat termasuk pelajar. Pada masa kini, kebanyakan pelajar lebih cenderung ke arah teknologi media jika dibandingkan dengan membaca buku. Hal ini kerana kepesatan teknologi menjangkau zaman mengakibatkan terhasilnya aplikasi multimedia pembelajaran dalam perisian android yang tumbuh bagaikan cendawan.

Putri (2019) dalam kajiannya ada membincangkan tentang pembangunan aplikasi bahasa Arab untuk media pembelajaran. Beliau menyebut bahawa dengan wujudnya kemajuan teknologi, inovasi baru dapat direka sebagai media pembelajaran bahasa Arab melalui aplikasi dalam *smartphone*. Aplikasi ini menggariskan satu aplikasi berkonsepkan permainan (*edugame*) yang melibatkan lima proses penghasilan aplikasi iaitu analisis keperluan, perancangan aplikasi, pembuatan aplikasi, pengujian aplikasi dan akhirnya implementasi. Pada peringkat akhir, aplikasi ini dilakukan uji kaji terhadap responden dari kalangan orang tua dan kanak-kanak bagi melihat keberhasilannya. Uji kaji ini melibatkan 30 responden dan hasil pengujian tersebut menyimpulkan bahawa aplikasi tersebut membantu kanak-kanak dalam penguasaan bahasa Arab kerana ia dilengkapi dengan sistem audio sebutan bahasa Arab. Di samping itu, aplikasi ini boleh menjadi medium sokongan pembelajaran bahasa Arab dengan hasil peratusan sebanyak 95.3%. Lantas, ini menunjukkan penerimaan aplikasi dalam pembelajaran sangat baik.

Hastini et.al (2021) ada membahaskan tentang pembelajaran menggunakan teknologi bagi generasi Z. Menurutnya, generasi Z ialah generasi yang mengikuti kemajuan teknologi dengan lebih dekat. Kemajuan teknologi dan kepesatan penyaluran maklumat melalui internet memberikan implikasi kepada generasi Z. Ini kerana mereka sudah biasa berkomunikasi menggunakan gajet yang dimiliki, melihat maklumat tentang pelbagai perkara dari dunia luar melalui internet, bermain permainan dan membeli-belah melalui telefon pintar. Majoriti generasi Z ini tidak kira kaya atau miskin memiliki telefon pintar. Hasil perbincangan memperlihatkan penerimaan generasi Z khususnya dari kalangan mahasiswa terhadap penggunaan teknologi seperti *e-learning* termasuk *digital learning* mahupun *mobile-learning* cukup tinggi. Melihat kepada penerimaan tinggi terhadap pembelajaran ini, sudah tentu ia dikaitkan dengan karakteristik generasi Z sebagai pendukung tinggi pembelajaran berasaskan teknologi. Generasi ini mempunyai orientasi pendidikan yang baik pembelajaran sepanjang hayat, berkemahiran dan berpengetahuan berkaitan teknologi.

Novita dan Munawwir (2022) dalam kajiannya ada menghuraikan tentang media pembelajaran bahasa Arab berasaskan teknologi komunikasi. Kajian tersebut dilaksanakan di sebuah sekolah untuk mengkaji aktiviti pembelajaran bahasa Arab yang mengaplikasikan media dalam talian ketika pandemik Covid-19. Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan media teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab era pandemik covid-19 memberikan manfaat. Secara asasnya, pembelajaran bahasa Arab adalah berteraskan kosa kata dan melalui pembelajaran berbentuk teknologi ini menjadikan pembelajaran kosa kata mudah difahami pelajar. Melalui media ICT, pembelajaran dapat menjadi lebih baik dan para pelajar dapat mengaplikasikan pembelajaran secara berdikari. Sehubungan itu, penggunaan media berteraskan ICT ketika pandemik menjadi sokongan kepada pembelajaran secara talian. Lantas, keadaan ini mewujudkan interaksi dua hala pelajar dan media teknologi yang mempengaruhi suasana pembelajaran secara talian dan secara maya dengan lebih positif.

c) Aplikasi Kosa Kata

Abdul et. al (2016) dalam kajiannya menghuraikan tentang pembelajaran kosa kata Arab menggunakan perisian android. Kajian ini dijalankan untuk merangka prosedur dan prototaip perisian pembelajaran kosa kata berpaksikan perisian android. Perisian ini dibangunkan menggunakan metode Pembangunan Agile. Sistem berasaskan pemberitahuan (*notification*) dinamakan *Arabic Word Alert (AWA)* dibangunkan berasaskan aplikasi android SDK. *Arabic Word Alert (AWA)* ialah perisian pembangunan kosa kata bahasa Arab (*vocabulary builder*) yang dibangunkan untuk memperkasa kosa kata pelajar bagi mendepani situasi-situasi bahasa yang dilalui. AWA berperanan membantu pelajar untuk menambah dan mengembangkan kosa kata mereka secara sistematik atau konsisten berdasarkan keupayaan dan perancangan individu.

Dalam kajian Septian et.al (2017), beliau ada membicarakan tentang aplikasi bahasa Arab dan bahasa Inggeris berasaskan teknologi android. Beliau melontarkan pendapat bahawa pada era digital ini, sistem operasi yang terhangat digunakan dalam telefon pintar atau tablet ialah teknologi android. Dalam kajian ini, perbincangan lebih fokus kepada reka bentuk aplikasi yang ingin dibangunkan merangkumi beberapa langkah. Terdapat enam langkah digariskan dalam pembangunan aplikasi tersebut melibatkan aspek konsep, reka bentuk, pengumpulan bahan, pemasangan, uji kaji dan penghasilan produk. Pada peringkat pengujian aplikasi, 30 responden dipilih untuk menjalani proses uji kaji dan hasilnya menunjukkan bahawa aplikasi mempamerkan aspek visual seperti animasi, gambar dan suara yang bersesuaian dengan kanak-kanak usia 5-8 tahun khususnya. Selain itu, terdapat juga kuiz yang diprogramkan dalam aplikasi untuk menguji tahap pengetahuan dan ingatan. Dari sudut kekurangan aplikasi, audio suara yang dihasilkan kurang jelas kerana rakaman audio dilakukan secara rakaman telefon bimbit.

Abdelhamid et.al (2018) ada mengupas lanjut tentang pembangunan prototaip aplikasi android untuk asas bahasa Arab. Kajian ini dijalankan terhadap guru bahasa Arab yang melibatkan 30 orang responden dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik ini memfokuskan kepada keberkesanan aplikasi android asas bahasa Arab daripada perspektif guru-guru bahasa Arab. Pembangunan prototaip aplikasi android ini bertujuan untuk membantu para guru dalam menyediakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Arab melalui pendekatan didik hibur yang berteraskan teknologi. Secara tidak langsung, ia dapat mengatasi masalah kekurangan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia. Terdapat tujuh komponen utama prototaip iaitu pembinaan skrin pengenalan, pembinaan skrin menu utama, pembinaan skrin pembelajaran, pembinaan skrin kosa kata, pembinaan permainan, pembinaan skrin lakonan dan pembinaan skrin aktiviti.

Lestari et.al (2019) dalam kajiannya membincangkan tentang pembelajaran bahasa Arab digital dengan menggunakan Padlet. Menurutnya, kewujudan teknologi digital di era ini membawa perubahan kepada bidang pendidikan. Salah satu inovasi dan kreativiti dalam pembelajaran bahasa Arab ialah penggunaan aplikasi Padlet. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah untuk melihat penggunaan Padlet dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan aplikasi ini sangat mendapat sambutan dalam kalangan guru dan pelajar. Ia mudah digunakan, meningkatkan semangat belajar bahasa Arab dan menyeronokkan. Penggunaan aplikasi ini memenuhi piawaian aplikasi pendidikan antarabangsa yang disebut *The International Society for Technology in Education* (ISTE). Dalam hal ini, aplikasi Padlet dikatakan sesuai untuk para pelajar kerana ia memenuhi beberapa kriteria antaranya membolehkan pelajar memproses sumber maklumat dengan media digital untuk mengembangkan pengetahuan, kreativiti dan pengalaman pembelajaran.

Seterusnya, Razif (2020) ada menyebut tentang penggunaan TikTok sebagai medium dalam pembelajaran bahasa Arab. Seperti sedia maklum, TikTok merupakan rangkaian media sosial berbentuk video pendek diiringi muzik dan ia mendapat sambutan hangat dalam kalangan pengguna media sosial. Kehadiran aplikasi ini telah membuka minda kalangan muda untuk lebih kreatif menghasilkan video yang bukan semata-mata hiburan, malah boleh bersifat informasi. Menurutnya, penggunaan aplikasi ini boleh diaplikasikan dalam aktiviti pembelajaran bahasa Arab dengan lebih menarik. Sebagai contoh, pembelajaran kosa kata Arab diadaptasikan dalam aplikasi TikTok dengan menggunakan perkataan dalam ayat-ayat berkaitan kehidupan seharian. Teknik ini lebih efektif dalam pembelajaran bahasa Arab kerana ia lebih memenangi hati kalangan orang muda dari sudut pembelajaran masa kini. Oleh itu, TikTok diiktiraf sebagai media hiburan, informasi dan pengetahuan yang sesuai didominasi oleh golongan generasi Z.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dinyatakan ini, dapat dirumuskan bahawa ada daripada kajian tersebut berpusatkan kepada isu dan permasalahan kosa kata bahasa Arab. Ada yang berfokuskan kepada pendekatan kreatif dalam membantu aspek kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Tuntasnya, ini menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata Arab masih menjadi topik hangat dalam kalangan pengkaji bahasa Arab. Perbincangan tersebut dapat melahirkan beberapa pendekatan kreatif untuk dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha membantu para pelajar di institusi pengajian mencapai tahap sebaik boleh dalam aspek kosa kata Arab. Dalam hal seperti ini, pengkaji berpendapat bahawa isu kosa kata pelajar khususnya bukan penutur jati Arab akan terus timbul dalam apa jua zaman sekalipun dan agak mustahil ditangani kerana ia bergantung kepada tahap keupayaan dan penguasaan pelajar itu sendiri.

Dari perspektif teknologi dalam pembelajaran, kajian-kajian tersebut menggambarkan signifikan dan implikasi positif yang boleh mempengaruhi proses sistem pembelajaran bahasa Arab secara khususnya. Ini menunjukkan teknologi masa kini amat memainkan peranan dalam apa jua bidang pembelajaran secara umumnya. Inovasi dan kreativiti produk teknologi yang lahir ini selaras dengan perkembangan zaman dan juga pendidikan dunia kontemporari kini. Justeru, pengkaji lebih berpendirian bahawa pembelajaran bahasa Arab sewajarnya berkembang dari masa ke semasa mengikut perkembangan zaman untuk lebih produktif. Sistem pembelajaran yang berbentuk tradisional kurang relevan untuk dipraktikkan pada era globalisasi ini dan perlu transformasi kepada lebih moden.

Dari sudut pembinaan aplikasi pula, ia jelas mempamerkan perkembangan zaman digital yang semakin hangat di arus perdana ini dalam melahirkan produk atau aplikasi melibatkan kosa kata Arab. Aplikasi-aplikasi yang dinyatakan dalam kajian-kajian tersebut menggambarkan teknologi

terkini bukan sekadar meliputi aspek kehidupan malah meliputi aspek pembelajaran dan masa depan. Sehubungan itu, aplikasi kosa kata yang telah direalisasikan dalam pengkajian tersebut boleh dikembangkan dengan sistem teknologi yang lebih jauh bagi melengkapkan kekurangan aplikasi sedia ada serta mengisi kelompongan aplikasi-aplikasi lain, di samping memfokuskan pada kosa kata tertentu dan konsep tertentu. Oleh yang demikian, pengkaji mengatakan bahawa konsep kosa kata Arab apabila diadaptasikan dengan teknologi digital, ia satu ideologi baru dalam konsep pembelajaran masa kini yang boleh mewujudkan fenomena pembelajaran bahasa Arab secara sendiri mahupun bukan sendiri dengan inovasi aplikasi. Ini kerana trend masa kini lebih cenderung kepada teknologi aplikasi yang lebih dekat di hati generasi muda. Hal ini boleh mempengaruhi mereka untuk mempraktikkan pembelajaran secara praktikal dan fleksibel.

Rentetan daripada perbincangan yang telah dibangkitkan oleh pengkajian terdahulu dan terkini membuah satu idea baru yang boleh mengaplikasikan kecanggihan teknologi semasa. Ia boleh digarap bagi mengatasi masalah penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar UiTM supaya dapat dimanfaatkan bersama dalam proses pengajaran dan pembelajaran seiring perkembangan teknologi dan kecanggihan. Justeru, aplikasi '*Mufradati*' akan dibangunkan dan berkonsepkan media pembelajaran yang menghimpunkan semua kosa kata yang terdapat dalam buku bahasa Arab mahasiswa Universiti Teknologi MARA (UiTM).

5. Kesimpulan

Isu yang berkaitan dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab sudah menjadi satu masalah yang akan dihadapi sama ada pelajar atau guru, pendidik dan sebagainya. Atas dasar ini, satu usaha perlu ditingkatkan bagi membantu prestasi penguasaan kosa kata Arab khusus bagi pelajar UiTM. Hal ini disebabkan oleh perkembangan dunia pendidikan berkembang dengan pantas dari masa ke semasa sesuai dengan peredaran zaman.

Secara tidak langsung, perkembangan semasa ini mempengaruhi sedikit sebanyak pendekatan dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran melibatkan bahasa Arab. Dengan mewujudkan aplikasi kosa kata ini, ia dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang agar usaha memupuk ke arah mencintai bahasa Arab itu semakin tersemat dan terus berkembang. Sehubungan itu, semua kajian lampau memberikan sedikit ruang dan lompanan terhadap kajian baru yang boleh diterokai. Tuntasnya, percambahan idea dan kesinambungan usaha adalah bertitik tolak daripada sumbangan lampau. Semoga dengan kajian yang dijalankan ini dapat menyumbang kepada percambahan idea dalam dunia bahasa Arab.

Penghargaan

Artikel ini hasil daripada penyelidikan Geran Penyelidikan MyRA Universiti Teknologi MARA (UiTM) bertajuk Pembangunan Aplikasi Kosa Kata Bahasa Arab Komunikasi *Mufradati* Pelajar UiTM. Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada UiTM kerana membiayai penyelidikan ini.

Rujukan

Abdul R.Z., Khirulnizam A. R., Muhammad H. H., Khairil A. E., Saifulah S., Mohd Z. A. R. (2016). Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Berbantuan Aplikasi. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016, (IRSYAD2016)*. Shah Alam, 10 Mei 2016.

- Abdul, A. K & Ilham, F. R. (2017). Arabic Teacher: Pembelajaran Modern Bahasa Arab Berbasis E-Learning Bagi NonNative Speaker. *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab III*, 289-299.
- Abdelhamid, I. Y. , Kaseh A. B., Suhaila Z@A, Hazrati Y. (2018). Pembangunan Aplikasi Android Pembelajaran Asas Bahasa Arab. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islamic and Civilization (ACER-J) 2(2)*: 39-59.
- Ahmad M., I., & A. Mohd N. S. (2018). *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam*. Keempat. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Aizan Y., Aspalila S., Alobaisy A. S., Waleed M. R., Norma A. (2018). Vocabulary learning strategies (VLSS) through secondary students at Saudi school in Malaysia (SSM): A pilot study. *International Education & Research Journal 4(2)*, 48-53.
- Aisah H., N. M. R., Nik Y. (2017). Strategi Memahami Makna Kosa Kata Secara Kontekstual Dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Global IV*.1220-29.
- Azani I. @ Y., Azman C. M., Mat T. P. (2012). Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa Arab *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12: 325-337.
- Che R. M. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal Dalam Karangan Bahasa Arab*. Universiti Malaya.
- Faudziah, R. & Mahamod., Z. (2013). Analisis Kesalahan Morfologi dan Sintaksis Dalam Penulisan Tesis Cemerlang: Satu Kajian Kes. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu*.
- Haniah. (2014). Pemanfaatan Teknologi Informasi Dalam Mengatasi Masalah Belajar Bahasa Arab. *Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa Arab IAIN Palangka Raya 2(1)*: 1-19.
- Hastini, L. Y., Fahmi, R., Lukito, H. (2021). Apakah Pembelajaran Menggunakan Teknologi dapat Meningkatkan Literasi Manusia pada Generasi Zdi Indonesia? *Jurnal Manajemen Informatika (JAMIKA) 10(1)*: 12-28.
- Hatta S. (2017). Daur al-Mudarrisin fi Tashji' al-Talabah 'ala Ta'allum al-Lughah al-'Arabiyyah fi Madrasah 'Ulum al-Qu'ran bi Langsa . *Journal of Linguistics, Literature and Language Teaching*. iii (Disember):161-96.
- Harun B. & Zawawi I.I. (2014). Vocabulary Learning Strategies and Arabic Vocabulary Size among Pre-University Students in Malaysia. *International Education Studies 7(13)*. 219-226.
- Hasnurol H., Kaseh A. B., Maheram A.. (2020). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Menerusi Pengetahuan Makna Dan Penggunaanya. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara 21(2020)*: 157-171.
- Kamariah, A. R., S. Siti R. (2016). Memperkaya kosa kata pelajar. *Seminar Bahasa Melayu*. (March):132-43.

- Khatijah Md. K., Hakim Z. (2018). Penguasaan Kata Nama dan Kata Kerja Arab Dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(1): 69-79.
- Lestari, G., Mahbubah, A., Masykuri, M. F. (2019). Pembelajaran Bahasa Arab Digital dengan Menggunakan Media Padlet di Madrasah Aliyah Bilingual Batu. *Proceeding of International Conference on Islamic Education: Challenges in Technology and Literacy Faculty of Education and Teacher Training*, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang, 238-244.
- Maita, I. Zarnelly, Adawiyah, A. (2018). Pembelajaran Interatif Bahasa Arab Berbasis Android. *Jurnal Ilmiah Rekayasa dan Manajemen Sistem Informas,i* 4(2): 123-129.
- Muhamadul B. Y. (2007). Teaching Arabic As A Second Language: An Evaluation of Key Word Method Effectiveness. *Jurnal Teknologi*, 46(E): 61-72.
- Murcia, U. (2007). Research on Second Vocabulary Acquisition and Learning. *IJES*, 2(7), vii-xvi.
- Novita, A. Munawwir. (2022). Media Pembelajaran Bahasa Arab Berbasis Teknologi Informasi Komunikasi pada Pembelajaran Daring di Sekolah Dasar. *EDUKATIF: Jurnal Ilmu Pendidikan* 4(1): 1378-1386.
- Putri, D. A. P. (2019). Rancang Bangun Media Pembelajaran Bahasa Arab untuk Anak Usia Dini Berbasis Android. *Technologia: Jurnal Ilmiah* 10(3): 156-164.
- Rahmat, I. (2017). Pembelajaran Bahasa Arab dengan Pemanfaatan Teknologi. *Jurnal Bahasa Arab* 1(2): 139-152.
- Rani, S. A. (2017). Pembelajaran Bahasa Arab Berbaris Teknologi Informasi dan Komunikasi. *At-Ta'dib* 9(2): 163-177.
- Razif, R. (2020). Aplikasi TikTok Sebagai Media Pembelajaran Bahasa Arab. *MUNASBA (Multaqa Nasional Bahasa Arab)* 3(1): 523-537.
- Shathifa, M. C. S., dan A. R. F. S. Farween. (2015). Vocabulary Ability Among The Students of The Department of Arabic Language In South Eastern University of Sri Lanka. *International Symposium 2015 – IntSym 2015*, SEUSL.208-11.
- Siti R., J., Suhaila Z@A., Hakim Z. (2020). Impak Pendekatan kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1): 10-21.
- Septian, H., Hidayat, E. W., Rahmatulloh, A. (2017). Aplikasi Pengenalan Bahasa Arab dan Inggeris untuk Anak-anak Berbasis Android. *JOIN (Jurnal Online Informatika)* 2(2): 71-78.
- Suhaila Z@A., Salmah A., Hakim Z., Kaseh A. B. (2018). Kem Bahasa Arab sebagai Medium Pemantapan Kemahiran Bahasa Arab. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 2(5), 1-10.
- Suyanto, A. H. (2005). Mengenal e-Learning. *Journal online* www.asephs.web.ugm.ac.id.

- Yazdi, M. (2012). E-Learning Sebagai Media Pembelajaran Interaktif Berbasis Teknologi Informasi. *Jurnal Ilmiah Foristek* 2(1): 143-152.
- Zainur R. A. R., Rosni S., Sulaiman I.I. (2020). Tahap Penguasaan Kosakata Bahasa Arab Pelajar Universiti: Satu Kajian Korpus di Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)* 10(1): 71-80.
- Zamri M., Mohamed A. E., Nik M. R. N. Y. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris Pelajar Cemerlang*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



9 772682 784004



ISSN: : 1985-5079